



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**PENCUKAIAN PELABUR ATAS
PENDAPATAN DARIPADA SYARIKAT
PENGURUSAN DANA ASING**

KETETAPAN UMUM NO. 2/2014

TARIKH PENERBITAN: 28 APRIL 2014



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**PENCUKAIAN PELABUR ATAS
PENDAPATAN DARIPADA
SYARIKAT PENGURUSAN
DANA ASING**

**Ketetapan Umum No. 2/2014
Tarikh Penerbitan: 28 April 2014**

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Diterbitkan pada 28 April 2014

Edisi pertama pada 28 April 2014

© Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**PENCUKAIAN PELABUR ATAS
PENDAPATAN DARIPADA
SYARIKAT PENGURUSAN
DANA ASING**

**Ketetapan Umum No. 2/2014
Tarikh Penerbitan: 28 April 2014**

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Syarikat Pengurusan Dana Asing	2
5. Layanan Cukai Atas Pendapatan Yang Diterima Oleh Pelabur Asing Daripada Syarikat Pengurusan Dana Asing Di Malaysia	2
6. Layanan Cukai Atas Pendapatan Yang Diterima Oleh Pelabur Tempatan Daripada Syarikat Pengurusan Dana Asing Di Malaysia	5

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 [ACP] memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat ketetapan umum berkenaan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian dari ketetapan umum ini melalui notis atau dengan penerbitan ketetapan umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan layanan cukai ke atas pendapatan yang diterima oleh pelabur asing dan tempatan yang menggunakan perkhidmatan syarikat pengurusan dana asing.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2, 7, 8, 60G, 61(3), Bahagian 1 Jadual 1, perenggan 12B, 28, 33, 33A, 33B dan 35 Jadual 6.
- 2.3 Perundangan subsidiari berkaitan yang dirujuk dalam KU ini adalah P.U.(A) 351/2008 dan P.U.(A) 211/2009.

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Bukan pemastautin” bermaksud selain daripada pemastautin di Malaysia;
- 3.2 “Orang” termasuk syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal;
- 3.3 “Pelabur asing” –
 - (a) berhubung dengan seorang individu bermaksud individu bukan pemastautin dan bukan warganegara Malaysia;
 - (b) berhubung dengan suatu syarikat bermaksud syarikat di mana keseluruhan modal syer yang diterbit adalah dimiliki secara benefisial, secara langsung atau tidak langsung oleh orang bukan pemastautin dan bukan warganegara Malaysia;
 - (c) berhubung dengan suatu dana amanah bermaksud dana amanah di mana keseluruhan kepentingan dalam dana dipegang secara benefisial, secara langsung atau tidak langsung oleh pelabur asing, di mana –
 - (i) dana itu diwujudkan di luar Malaysia; dan
 - (ii) pemegang amanah dana tidak bermastautin dan bukan warganegara Malaysia.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- 3.4 “Pelabur tempatan” adalah individu, syarikat atau dana amanah yang bukan pelabur asing;
- 3.5 “Pemastautin” bermaksud bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk satu tahun taksiran menurut seksyen 7, 8 atau subseksyen 61(3) ACP.

4. Syarikat Pengurusan Dana Asing

- 4.1 Syarikat pengurusan dana asing adalah suatu syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan diberi lesen untuk aktiviti pengurusan dana yang dikawal di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671].
- 4.2 Antara syarat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SS) bagi pelesenan syarikat pengurusan dana asing adalah lebih 50% modal berbayarnya dimiliki oleh ekuiti asing.

5. Layanan Cukai Atas Pendapatan Yang Diterima Oleh Pelabur Asing Daripada Syarikat Pengurusan Dana Asing Di Malaysia

Layanan cukai bagi pendapatan dividen, faedah dan keuntungan daripada pelupusan pelaburan yang diterima oleh pelabur asing daripada pelaburan atau pelupusan pelaburan yang dibuat dalam atau luar Malaysia bagi pihak mereka oleh syarikat pengurusan dana asing adalah seperti berikut:

- (a) Dividen dan faedah daripada pelaburan di luar Malaysia

Dividen dan faedah yang diperolehi daripada pelaburan di luar Malaysia dan diterima di Malaysia oleh pelabur asing adalah dikecualikan daripada cukai.

[perenggan 28, Jadual 6 ACP]

- (b) Dividen daripada pelaburan dalam Malaysia

Dividen yang diperolehi oleh pelabur asing daripada pelaburan dalam Malaysia di bawah sistem satu peringkat adalah dikecualikan daripada cukai mulai tahun taksiran 2008.

[perenggan 12B, Jadual 6 ACP]

- (c) Faedah daripada pelaburan dalam Malaysia

Pendapatan faedah pelabur asing yang diperolehi daripada Malaysia dikecualikan cukai dalam keadaan berikut:

- (i) Pelabur asing yang merupakan orang bukan pemastautin adalah dikecualikan daripada cukai atas faedah yang diperolehi daripada Malaysia dan dibayar atau dikredit oleh:

- (A) mana-mana orang yang menjalankan perniagaan perbankan atau kewangan di Malaysia dan dilesenkan di bawah Akta Perbankan dan Institusi Kewangan 1989 [Akta 372] atau Akta Bank Islam 1983 [Akta 276] (Akta ini telah dibatal dan diganti dengan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759]¹); atau oleh mana-mana institusi yang diluluskan oleh Menteri;

Pengecualian ini tidak terpakai kepada faedah yang dibayar atau dikredit bagi dana yang diperlukan untuk tujuan mengekalkan rangkaian dana seperti yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.

[perenggan 33, Jadual 6 ACP]

- (B) Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad.

[P.U.(A) 351/2008 dan P.U.(A) 211/2009]

- (ii) Pelabur asing yang merupakan syarikat yang bukan pemastautin adalah dikecualikan daripada cukai atas faedah yang diperolehi, selain daripada faedah yang terakru kepada suatu tempat perniagaan syarikat tersebut di Malaysia –

- (A) berkaitan sekuriti yang dikeluarkan oleh Kerajaan; atau

- (B) berkaitan sekuriti Islam atau debentur yang diterbitkan dalam Ringgit Malaysia, selain daripada stok pinjaman boleh tukar, yang diluluskan oleh SS.

[perenggan 33A, Jadual 6 ACP]

- (iii) Pelabur asing adalah dikecualikan daripada cukai atas faedah yang diperolehi berkaitan sekuriti Islam yang berasal dari Malaysia, selain daripada stok pinjaman boleh tukar –

- (A) yang dikeluarkan dalam mana-mana matawang selain Ringgit; dan

- (B) diluluskan oleh SS atau Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan.

[perenggan 33B, Jadual 6 ACP]

- (iv) Pelabur asing yang merupakan individu, unit amanah dan dana tertutup yang disenaraikan adalah dikecualikan daripada cukai atas faedah atau diskaun yang diperolehi berkaitan –

¹ Akta 758 dan Akta 759 mula berkuat kuasa pada 30 Jun 2013.

- (A) sekuriti atau bon yang diterbitkan atau dijamin oleh Kerajaan;
- (B) debentur atau sekuriti Islam selain daripada stok pinjaman boleh tukar, yang diluluskan oleh SS; atau
- Bon Simpanan Malaysia yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

[perenggan 35, Jadual 6 ACP]

- (d) Faedah yang boleh dicukai

Faedah selain daripada yang dinyatakan dalam perenggan (c) di atas adalah dikenakan cukai pada kadar 15% atau mengikut kadar khas yang ditetapkan di bawah Perjanjian Pengelakan Pencukaaian Dua Kali yang berkaitan.

- (e) Keuntungan daripada pelupusan pelaburan di luar Malaysia

Keuntungan daripada pelupusan pelaburan di luar Malaysia tidak tertakluk kepada cukai.

- (f) Keuntungan daripada pelupusan pelaburan di dalam Malaysia

Keuntungan daripada pelupusan pelaburan (selain daripada harta tanah yang boleh dikenakan cukai keuntungan harta tanah) di dalam Malaysia tidak tertakluk kepada cukai.

Contoh 1

Big International Asset Management Sdn Bhd, sebuah syarikat pengurusan dana asing di Malaysia, menguruskan pelaburan untuk pelabur asing (syarikat insurans di United Kingdom), terutamanya dalam ekuiti dan bon. Bagi tahun berakhir 31.12.2013, pelabur asing menerima pendapatan berikut daripada pelaburan yang diuruskan oleh syarikat pengurusan dana asing:

Dividen satu-peringkat - RM200,000

Faedah daripada bon Kerajaan - RM100,000

Pendapatan dividen satu-peringkat yang diagihkan dikecualikan cukai dalam tangan penerima (perenggan 12B, Jadual 6 ACP) dan faedah bon yang diterima oleh pelabur asing dikecualikan cukai di bawah perenggan 33A, Jadual 6 ACP.

6. Layan an Cukai Atas Pendapatan Yang Diterima Oleh Pelabur Tempatan Daripada Syarikat Pengurusan Dana Asing Di Malaysia

Pelabur tempatan yang menerima pendapatan daripada perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat pengurusan dana asing yang dilantik olehnya akan tertakluk kepada cukai mengikut peruntukan dalam ACP. Jenis pendapatan yang diterima oleh pelabur tempatan adalah sama seperti yang diterima oleh pelabur asing.

Layanan cukai bagi pendapatan dividen, faedah dan keuntungan daripada pelupusan pelaburan yang diterima oleh pelabur tempatan daripada pelaburan atau pelupusan pelaburan yang dibuat dalam atau luar Malaysia bagi pihak mereka oleh syarikat pengurusan dana asing adalah seperti berikut:

(a) Dividen dan faedah daripada pelaburan di luar Malaysia

Dividen dan faedah yang diperolehi daripada pelaburan di luar Malaysia dan diterima di Malaysia oleh pelabur tempatan, selain daripada syarikat pemastautin yang menjalankan perniagaan perbankan, insurans atau pengangkutan laut atau udara, adalah dikecualikan daripada cukai.

[perenggan 28, Jadual 6 ACP]

(b) Dividen daripada pelaburan dalam Malaysia

Dividen yang diperolehi oleh pelabur tempatan daripada pelaburan dalam Malaysia di bawah sistem satu peringkat adalah dikecualikan daripada cukai mulai tahun taksiran 2008.

[perenggan 12B, Jadual 6 ACP]

(c) Faedah daripada pelaburan dalam Malaysia yang dikecualikan daripada cukai.

(i) Pelabur tempatan yang merupakan individu pemastautin adalah dikecualikan daripada cukai atas faedah yang diperolehi daripada:

(A) sijil deposit boleh niaga; atau

(B) diskaun semula penerimaan jurubank atas perjanjian belian semula atau mana-mana surat cara pembiayaan dagangan yang serupa yang didagangkan dalam dana pasaran wang; atau

(ii) Pelabur tempatan yang merupakan individu pemastautin adalah dikecualikan daripada cukai atas faedah yang diperolehi daripada wang yang didepositkan dengan institusi berikut:

- (A) suatu bank atau syarikat kewangan yang dilesenkan atau yang disifatkan dilesenkan di bawah Akta 758;
- (B) suatu bank yang dilesenkan di bawah Akta 759;
- (C) suatu institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [Akta 618];
- (D) Lembaga Tabung Haji yang ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995 [Akta 535];
- (E) Malaysian Building Society Berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125];
- (F) Borneo Housing Mortgage Finance Berhad yang diperbadankan di bawah Akta 125; atau
- (G) Suatu koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 [Akta 502].

[P.U.(A) 211/2009]

- (iii) Pelabur tempatan adalah dikecualikan daripada cukai atas faedah yang diperolehi berkaitan sekuriti Islam yang berasal dari Malaysia, selain daripada stok pinjaman boleh tukar –
 - (A) yang dikeluarkan dalam mana-mana matawang selain Ringgit; dan
 - (B) diluluskan oleh SS atau Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan.

[perenggan 33B, Jadual 6 ACP]

- (iv) Pelabur tempatan yang merupakan individu, unit amanah dan dana tertutup yang disenaraikan adalah dikecualikan daripada cukai atas faedah atau diskaun yang diperolehi berkaitan –
 - (A) sekuriti atau bon yang diterbitkan atau dijamin oleh Kerajaan;
 - (B) debentur atau sekuriti Islam selain daripada stok pinjaman boleh tukar, yang diluluskan oleh SS; atau
 - (C) Bon Simpanan Malaysia yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

[perenggan 35, Jadual 6 ACP]

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

(d) Faedah yang boleh dicukai

Faedah selain daripada yang dinyatakan dalam perenggan (c) di atas adalah dikenakan cukai mengikut kadar yang ditetapkan dalam ACP.

(e) Keuntungan daripada pelupusan pelaburan di luar Malaysia

Keuntungan daripada pelupusan pelaburan di luar Malaysia tidak tertakluk kepada cukai.

(f) Keuntungan daripada pelupusan pelaburan di dalam Malaysia

Keuntungan daripada pelupusan pelaburan (selain daripada harta tanah yang boleh dikenakan cukai keuntungan harta tanah) di dalam Malaysia tidak tertakluk kepada cukai.

Contoh 2

Pelabur tempatan Syarikat Wawasan Sdn Bhd menerima daripada Big International Asset Management Malaysia Sdn Bhd, sebuah syarikat pengurusan dana asing di Malaysia, pendapatan berikut bagi tahun berakhir 31.12.2012:

Dividen kasar (pengagihan daripada akaun seksyen 108 dan kredit cukai berjumlah RM25,000) - RM100,000

Faedah daripada luar Malaysia - RM80,000

Faedah daripada luar Malaysia dikecualikan di bawah perenggan 28, Jadual 6 ACP. Pendapatan dividen tertakluk kepada cukai pada kadar semasa iaitu 25% dan pelepasan sebanyak RM25,000 di bawah seksyen 110 dibenarkan kepada pelabur tempatan mengikut Peruntukan Kecualian dan Peralihan (Akta Kewangan 2007 [Akta 683] berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2008 dan Akta Kewangan 2009 [Akta 693] berkuat kuasa pada 9.1.2009.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**